

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

PLG 428 - Masalah-Masalah dan Isu-Isu Pendidikan Semasa

Masa: [2 jam]

Arahan: Jawab TIGA soalan sahaja. Jawab BAHAGIAN A dan pilih DUA soalan daripada BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. Bandingkan Teori Sosialisasi, Teori Pengagihan, dan Teori Pengesahan; dan sebutkan apakah perbezaan di antara ketiga-tiga teori ini mengenai kesan-kesan pendidikan terhadap individu dan masyarakat.
[40 markah]

BAHAGIAN B

2. Dasar Pelajaran Kebangsaan menentukan bahawa Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem persekolahan kita. Terangkan mengapa dasar ini digubalkan di negara kita berdasarkan kepada Teori Sosialisasi dan Teori Pembiakan.
[30 markah]
3. Terangkan mengapa pendidikan swasta diperkembangkan dengan pesat pada dekad yang lalu. Pada pendapat anda, patutkah sistem pendidikan swasta kita diperkembangkan ke arah "sektor swasta massa" ataupun "sektor swasta pinggir". Berikan sebab-sebab untuk menyokong pandangan anda.
[30 markah]
4. Bincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah, ibu bapa dan pelajar jikalau program sekolah sepanjang hari (8.00 pagi hingga 4.00 petang) dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan tanpa membuat perubahan yang radikal kepada tenaga pengajar, kurikulum dan peruntukan kewangan kepada sekolah.
[30 markah]

